

24 DEC 1999

Abdullah-Menteri

MENTERI TIDAK BOLEH ADA KEPENTINGAN PERNIAGAAN

PUTRAJAYA, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan jemaah menteri bahawa mereka tidak boleh mempunyai kepentingan perniagaan dan perlu melepaskan jawatan dalam mana-mana syarikat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata ini adalah antara 13 ciri tanggungjawab seorang menteri dan 14 perkara berkaitan etika yang disampaikan Dr Mahathir pada mesyuarat pertama kabinet baru 15 Dis lepas.

Menurut Abdullah, perdana menteri berkata apabila berlaku perbincangan yang mungkin ada hubungkait dengan keluarga seorang menteri, menteri berkenaan mesti memaklumkan perkara ini dan keluar untuk mengelak daripada mengambil bahagian dalam perbincangan itu.

Dr Mahathir berharap para menteri menjalankan kerja dengan jujur, tulus, rajin, cekap dan terbuka, katanya.

"Perdana menteri juga berkata mereka mesti bekerja secara hands-on," kata Abdullah kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan di sini hari ini.

Menurut timbalan perdana menteri, Dr Mahathir telah mengingatkan jemaah menteri supaya memahami apa yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional yang dikemukakan kepada rakyat pada pilihan raya umum lepas.

Menteri-menteri juga diminta mendekati dan bekerja rapat dengan pegawai mereka bagi memastikan segala program dan arahan jemaah menteri dilaksanakan secepat mungkin.

Mereka hendaklah mengenalpasti dan mengatasi prosedur birokrasi yang melambatkan pelaksanaan sesuatu projek.

"Menteri-menteri mesti bertanggungjawab membuat tindakan susulan untuk mengetahui tentang kedudukan sebenar pelaksanaan arahan yang disampaikan kepada para pegawai," kata Abdullah.

Ini termasuk tahap pelaksanaan projek-projek di bawah kementerian.

Menteri juga perlu memastikan setiap pegawai mempunyai manual prosedur kerja masing-masing bagi memastikan tugas mereka dilaksanakan dengan betul dan cepat.

Mereka dikehendaki mengadakan mesyuarat dengan pegawai masing-masing bagi membincangkan segala hal yang berkaitan dengan kementerian.

"Dr Mahathir turut mengingatkan jemaah menteri tentang tanggungjawab bersama apa-apa perkara yang diputuskan jemaah menteri," kata Abdullah.

-- BERNAMA

MAM zb